

Metode akidah Ḥasan al-Bannā terhadap sifat *khbariyyah* Allah SWT

[*Ḥasan al-Bannā's faith method for Allah's khbariyyah attributes*]

Nasron Yaacob

Department of Usuluddin, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia, e-mail: drnasron@gmail.com, Phone Number: (60) 019 9105939.

Keywords:

Faith Method, Salaf, Ḥasan al-Bannā, Khbariyyah Attributes

ABSTRACT

*Ḥasan al-Bannā proposed his preferred faith method by applying the Salafiyyah faith method over the Khalaf faith method in understanding Allah's khbariyyah attributes. He discussed these issues in his writings. This study aims to determine Ḥasan al-Bannā's faith method in applying *ithbāt* or *tafwīd* ways to Allah Almighty's attributes in khbariyyah-related issues. This study employed a qualitative design by analysing Ḥasan al-Bannā's written works of faith based on his faith method. His three works of faith are al-'Aqā'id pamphlet, pieces of writing on beliefs in Al-Manār magazine, and Allah fī al-'Aqīdah al-Islāmiyyah pamphlet. The results show that the Ḥasan al-Bannā's creed in applying the *ithbāt* method in his written works of faith was modest as supported by the Salafiyyah stream, rather than the *tafwīd* method considered by the Khalaf stream as the Salaf generation method.*

Kata Kunci:

Metode Akidah, Salaf, Ḥasan al-Bannā, Sifat Khbariyyah

ABSTRAK

*Ḥasan al-Bannā telah mengutarakan keutamaan metode akidah Salaf berbanding Khalaf dalam memahami sifat khbariyyah Allah SWT. Isu ini dinyatakan secara jelas melalui karya-karya akidah yang pernah ditulisnya. Justeru itu objektif kajian ini ialah menentukan metode akidah Salaf yang dipegangi oleh Ḥasan al-Bannā, sama ada *ithbāt* atau *tafwīd* dalam isu sifat khbariyyah Allah SWT. Kajian artikel ini merupakan kajian kualitatif yang akan menganalisa karya-karya akidah Ḥasan al-Bannā yang berkaitan dengan metode akidahnya. Tiga karya akidahnya yang berkaitan kajian artikel ini ialah *Risālah al-'Aqā'id*, penulisan yang menyentuh bidang akidah dalam *Majalah al-Manar* dan *Risalah Allah fī al-'Aqīdah al-Islāmiyyah*. Hasil kajian mendapati metode akidah Ḥasan al-Bannā adalah bermetodekan *ithbāt* sebagaimana yang dipegangi oleh aliran Salafiyyah, dan bukannya metode *tafwīd* yang dianggap oleh aliran Khalaf sebagai metode generasi Salaf.*

Received: May 04, 2020

Accepted: September 04, 2020

Online Published: December 16, 2020

1. Pendahuluan

Ahli Sunah Waljamaah berselisih pandangan dalam isu sifat *khbariyyah* Allah SWT sehingga melahirkan aliran Salaf dan Khalaf. Dari situ juga ia melahirkan tiga metode akidah yang lebih khusus iaitu *ithbāt*, *ta'wīl* dan *tafwīd* (Hakim, 2013) yang masing-masing mendakwa sebagai Ahli Sunah Waljamaah yang sebenar. Khalaf

merujuk pada metode *ta'wīl* dalam memahami sifat *khbariyyah* Allah SWT (Munawir, 2016), manakala metode akidah Salaf pula telah diperselisihkan statusnya antara metode *ithbāt* atau *tafwīd*. Aliran Salafiyyah yang mendakwa sebagai penerus metode Salaf (Larsson, 2017) menegaskan bahawa metode *ithbāt* adalah metode akidah generasi Salaf, sedang aliran Khalaf pula mendakwa metode *tafwīd* adalah metode akidah Salaf yang sebenar (al-Qaradāwī, 2005).

Ḥasan al-Bannā menegaskan di dalam risalah *al-'Aqā'id* tentang keutamaan metode akidah Salaf berbanding metode akidah Khalaf. Dalam masa yang sama juga Ḥasan al-Bannā tidak menolak metode Khalaf secara mutlak. Pendekatan Ḥasan al-Bannā dalam isu ini ialah keterbukaan dalam metode akidah, walaupun meletakkan keutamaan metode akidah Salaf terhadap Khalaf. Dalam isu sifat *khbariyyah* Allah SWT, Ḥasan al-Bannā telah berpegang dengan metode Salaf dalam mengimani sifat tersebut (Ḥasan al-Bannā, 1992). Persoalan yang timbul ialah apakah metode Salaf yang diimani oleh Ḥasan al-Bannā itu? Apakah ia adalah metode *ithbāt* menurut pemahaman aliran Salafiyyah atau metode *tafwīd* menurut pemahaman aliran Khalaf?

Pertikaian timbul kerana ramai pengkaji metode yang hanya sekadar merujuk risalah *al-'Aqā'id* dan menetapkannya sebagai pernyataan tentang metode akidah Ḥasan al-Bannā. Hakikat yang tidak disedari umum ialah majalah *al-Manār* adalah penulisan Ḥasan al-Bannā yang menjelaskan metode akidah sebenar beliau kerana ia diterbitkan selepas hampir 6 tahun penerbitan risalah *al-'Aqā'id*. Isu ini juga terbit disebabkan ada persoalan daripada para pembaca majalah *al-Manār* yang beraliran Salafiyyah dan Khalaf tentang metode sebenar akidah Ḥasan al-Bannā. Maka jawapan Ḥasan al-Bannā terhadap persoalan itu menjadi penentu kepada metode sebenar akidahnya (Ḥasan al-Bannā, 1939).

Dalam satu kajian terkini tentang metode *ithbāt* dan *tafwīd*, Yūsuf al-Qaradāwiy (2005) juga ada membicarakan tentangnya, di samping menyentuh sikap keterbukaan Ḥasan al-Bannā berkaitan isu ini. Namun bukunya tersebut masih tidak menjelaskan secara spesifik metode akidah Ḥasan al-Bannā di antara *ithbāt* dan *tafwīd*. Justeru artikel ini menjadikan persoalan metode ini sebagai bahan kajian ilmiah yang perlu ditemukan jawapannya yang sebenar.

2. Metode Akidah Terhadap Sifat *Khbariyyah* Allah SWT

Sifat *khbariyyah* bagi Allah SWT ialah sifat yang sabit oleh khabar nas al-Quran dan hadis yang sahih seperti *wajh*, *istiwā'*, *yadayn* dan *'ayn*. Sifat ini dianggap *khbariyyah* kerana ia tidak mampu dijangkau akal, tetapi nas wahyu yang sahih mengesahkan sifat tersebut sebagai sifat bagi Allah SWT. Menjangkauinya dengan akal dibimbangi boleh membawa kepada *mentashbihkan* (menyerupakan) Allah SWT dengan makhluk, dan ia amat dilarang oleh agama (al-Bayhaqy, 2004). Kerana itu dalam sejarah umat Islam telah muncul beberapa metode akidah disebabkan kefahaman yang berbeza terhadap sifat *khbariyyah* ini. Metode-metode tersebut ialah metode *ithbāt*, *ta'wīl* dan *tafwīd*, selain metode *tashbih* oleh golongan *mushabbihah* yang perlu ditolak kerana menyerupakan sifat Allah SWT dengan sifat fizikal makhluk (Abdullah, Abd. Rahman & Usman, 2014).

Metode akidah *ithbāt* ialah mensabitkan makna zahir dari nas sifat *khbariyyah* bagi Allah SWT yang selayak denganNya dengan menyerahkan kaifiat sifat tersebut kepadaNya. Metode *ta'wīl* pula memahami sifat *khbariyyah* Allah SWT dalam konteks *majāz* (tersirat) dan bukan sebagaimana zahirnya, dan ia perlu ditakwil kepada makna *majāz* yang selayaknya (Kafrawi, 1999). Manakala metode *tafwīd* pula menyerahkan makna sifat *khbariyyah* itu secara terus kepada Allah SWT (Ḥalimah, 2020). Metode *tafwīd* ini berprinsipkan kepada konsep untuk tidak berbicara lanjut dan kefahamannya adalah sebagaimana pernyataan nas sifat tersebut sahaja (al-Qaradāwiy, 2005).

Metode *ithbāt* didokong oleh aliran Salafiyyah dan tokoh utamanya ialah Ibn Taymiyyah (Ibn Taymiyyah, 2004). Metode *ta'wīl* pula didokong oleh aliran Khalaf dan antara tokohnya ialah Fakh al-Dīn al-Rāzīy (al-Rāzīy, 1986) dan al-Ghazālī (al-Ghazālī, 2003). Metode *tafwīd* pula didokong oleh tokoh seperti Abu al-Ḥasan al-Ash'ariy (al-Ash'ariy, 2002) dan al-Juwayniy (al-Juwainiy, 1992) (Ahmad, et al., 2018).

3. Biografi Ḥasan Al-Bannā

Ḥasan al-Bannā dilahirkan pada 14 Oktober 1906 (1324 H) di al-Maḥmūdiyyah yang berada dalam jajahan al-Buḥayrah (al-Jundiyy, 2000), sejauh 90 batu dari arah timur laut Kaherah (al-Anani, 2013), ibu negara Mesir. Bapanya Aḥmad 'Abd al-Raḥmān al-Bannā amat mementingkan pendidikan agama terhadap anak-anaknya, kerana itu Ḥasan al-Bannā membesar dengan didikan agama yang sempurna (Abū Ghanīmah, t.th.).

Pendidikan formal awal Ḥasan al-Bannā bermula di usia seperti kanak-kanak lain. Sekolah pertamanya ialah sekolah al-Rashād al-Dīmiyyah pada tahun 1914 hingga 1918, kemudian beliau menyambung pengajiannya di sekolah al-I'dādiyyah pada tahun 1919 hingga 1920. Sekolah al-Mu'allimīn al-Awwaliyyah telah menjadi

pilihan pengajiannya pada peringkat menengah pada tahun 1921 hingga 1923. Setelah tamat di sekolah tersebut, beliau melanjutkan pengajiannya ke Dār al-‘Ulūm pada tahun 1923 dan menamatkan pengajian peringkat diploma pada bulan Jun 1927 semasa berumur 21 tahun. Pada kebiasaan, para pelajar lepasan Dār al-‘Ulūm akan diberi peluang melanjutkan pengajian ke luar negara dengan biasiswa yang disediakan. Tetapi tahun itu Dār al-‘Ulūm membuat keputusan untuk tidak menghantar pelajar lepasannya menyambung pengajian ke luar negara atas sebab-sebab tertentu. Justeru itu Ḥasan al-Bannā membuat keputusan memohon jawatan guru bagi memenuhi cita-citanya untuk berdakwah dan mengajak masyarakat kepada pengamalan ajaran Islam sebenar (Ḥasan al-Bannā, 1983).

Di Ismā‘īlyyah, Ḥasan al-Bannā mula menunaikan tanggungjawabnya sebagai seorang guru sehingga tahun 1933 (Ḥasan al-Bannā, 1995). Tanpa disedari, di Ismā‘īlyyah jugalah lahirnya gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn yang dipimpin oleh Ḥasan al-Bannā sendiri dari Mac 1928 hingga 1949 (Ibrahim, 2007). Gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn telah membawakan metode akidah yang terbuka di antara Salafiyah dan Ashā‘irah, di samping pilihan Salaf sebagai keutamaan metode akidah menurut Ḥasan al-Bannā (Arikewuyo, 2019).

Satu tragedi berdarah telah berlaku pada 12 Februari 1949, iaitu Ḥasan al-Bannā telah ditembak oleh orang yang diupah bagi tujuan bunuh (Hayati, 2015). Semua perancangan itu sebenarnya menggambarkan tentang kekuatan pengaruh dakwah Ḥasan al-Bannā di Mesir sehingga menimbulkan kegusaran pada pihak-pihak tertentu, termasuklah Kerajaan Mesir sendiri. Walaupun perancangan tersebut berjaya dilaksanakan, namun metode dakwah yang ditinggalkan oleh Ḥasan al-Bannā masih kekal sehingga ke hari ini (‘Azīz, 2003).

4. Karya Akidah Ḥasan Al-Bannā

Karya utama akidah yang pernah ditulis oleh Ḥasan al-Bannā ialah risalah *al-‘Aqā‘id* (1933), majalah *al-Manār* (1939), dan risalah *Allah fī al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah* (1947). Risalah *al-‘Aqā‘id* mula diterbitkan pada 28 Safar 1352 bersamaan 22 Jun 1933, mengandungi perbincangan tentang *dhāt* Allah, *asmā‘ al-ḥusnā* dan sifat-sifatNya. Umur Ḥasan al-Bannā ketika menulis karya ini ialah 27 tahun. Manakala majalah *al-Manār* pula mula diambil alih oleh Ḥasan al-Bannā pada tahun 1939 dengan amanat dan kepercayaan daripada ahli keluarga Muhammad Rashīd Redā selepas kematiannya. Usia Ḥasan al-Bannā ketika ini ialah 33 tahun. Karya terakhir beliau ialah risalah *Allah fī al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah*. Risalah ini dimuatkan dalam majalah *al-Shihāb* dan diterbitkan sebanyak tiga keluaran iaitu Disember 1947, Januari dan Februari 1948. Usia Ḥasan al-Bannā di ketika ini ialah 42 tahun, sebelum beliau dibunuh pada 12 Februari 1949 (‘Azīz, 2003).

4.1 Sorotan Metode Akidah Ḥasan Al-Bannā

Sorotan ini adalah merujuk kepada tiga karya akidah utama yang ditulis oleh Ḥasan al-Bannā seperti yang telah dinyatakan di atas:

i. *Risalah al-‘Aqā‘id*

Metode akidah Ḥasan al-Bannā dalam risalah *al-‘Aqā‘id* lebih bersifat umum yang mengandungi metode *tafwīd* dan *ithbāt* dengan penggunaan istilah *tafwīd ma‘nā* (penyerahan makna) dan *tafwīd ḥaqīqah* (penyerahan hakikat). *Tafwīd ma‘nā* digunakan oleh metode *tafwīd* untuk menyatakan bahawa makna teks sifat *khbariyyah* hanya diketahui oleh Allah SWT sahaja. Manakala *tafwīd ḥaqīqah* pula digunakan oleh metode *ithbāt* untuk menyatakan bahawa hakikat dan kaifiat sebenar sifat *khbariyyah* sahaja yang tidak diketahui, sedang maknanya adalah dimaklumi. Gambaran *tafwīd ma‘nā* dan *tafwīd ḥaqīqah* dalam teks risalah *al-‘Aqā‘id* tersebut (al-Bannā, 1992), adalah sebagaimana dalam Jadual 1 dan Jadual 2 seperti berikut:

Jadual 1. Gambaran *Tafwīd ma‘nā*

Bil	Teks Risalah <i>al-‘Aqā‘id</i>	Metode <i>tafwīd</i>	<i>Tafwīd ma‘nā</i>
i	وكل ذلك بمعان لا ندركها ، ونترك لله تبارك تعالی الإحاطة بعلمها <i>Dan semua yang demikian itu adalah dengan makna yang tidak dapat kita tanggapinya, dan kita tinggalkan kepada Allah Tabaraka wa Ta‘ala kefahaman dengan ilmunya.</i>	ونترك لله تبارك تعالی الإحاطة بعلمها <i>Dan kita tinggalkan kepada Allah Tabaraka wa Ta‘ala kefahaman dengan ilmunya.</i>	بمعان لا ندركها <i>dengan makna yang tidak dapat kita menanggapinya</i>
ii	ويتركون بيان المقصود منها لله تبارك وتعالی	ويتركون	بيان المقصود منها لله

	<i>Dan mereka meninggalkan penerangan maksud tentangnya (sifat) kepada Allah Tabaraka wa Ta'ala.</i>	<i>Dan mereka meninggalkan.</i>	<i>Penerangan maksud tentangnya (sifat) kepada Allah.</i>
iii	ويسكتوا عن تفسيرها أو تأويلها <i>Dan mereka diam dari mentafsirkannya atau mentakwilkannya.</i>	ويسكتوا <i>Dan mereka diam.</i>	عن تفسيرها أو تأويلها <i>dari mentafsirkannya atau mentakwilkannya.</i>
iv	ونحن نعتقد أن رأي السلف من السكوت وتفويض علم هذه المعاني إلى الله تبارك وتعالى وأولى بالاتباع <i>Dan kami berpegang bahawa pandangan al-Salaf iaitu diam dan menyerahkan ilmu makna-makna ini kepada Allah Tabaraka wa Ta'ala adalah lebih sejahtera dan paling utama untuk diikuti.</i>	السكوت وتفويض <i>diam dan menyerahkan.</i>	علم هذه المعاني إلى الله <i>ilmu makna-makna ini kepada Allah.</i>

Jadual 2: Gambaran Tafwīd ḥaqīqah

Bil	Teks Risalah al-'Aqā'id	Metode <i>ithbāt</i>	Tafwīd ḥaqīqah
i	نؤمن بهذه الآيات والأحاديث كما وردت ... فهم يثبتون اليد والعين والأعين والاستواء والضحك والتعجب . <i>Kami beriman dengan ayat-ayat dan hadith-hadith ini sebagaimana adanya ... maka mereka mengisbatkan al-yadd, al-'ayn, al-a'yun, al-istiwā', al-ḍahik, al-ta'ajjub.</i>	يثبتون <i>mengisbatkan.</i>	كما وردت <i>sebagaimana adanya.</i>
ii	وصفات الله تبارك وتعالى في القرآن الكريم كثيرة ، وكلماته تبارك وتعالى لا تنهاى ، ولا تدرك كنهها عقول البشر <i>Dan sifat-sifat Allah Tabaraka wa Ta'ala di dalam al-Quran al-Karim adalah banyak, dan kesempurnaanNya Tabaraka wa Ta'ala tiada tertegah, dan akal-akal manusia tidak dapat menanggapi hakikat sifatnya.</i>	وصفات الله تبارك وتعالى في القرآن الكريم كثيرة <i>Dan sifat-sifat Allah Tabaraka wa Ta'ala di dalam al-Quran al-Karim adalah banyak.</i>	ولا تدرك كنهها عقول البشر <i>dan akal-akal manusia tidak dapat menanggapi hakikatnya (sifat).</i>
iii	فتفطن لهذا المعنى فإنه دقيق ، ولست مطالبا بمعرفة كنهها. <i>Maka telitikan makna ini maka sesungguhnya ia adalah mendalam, dan kamu tidak dituntut mengetahui tentang hakikatnya (sifat).</i>	فتفطن لهذا المعنى فإنه دقيق <i>Maka telitikan makna ini maka sesungguhnya ia adalah mendalam.</i>	ولست مطالبا بمعرفة كنهها. <i>dan kamu tidak dituntut mengetahui hakikatnya (sifat).</i>

ii. Majalah al-Manār

Metode akidah Ḥasan al-Bannā dalam majalah *al-Manār* juga ada menunjukkan metode *tafwīd* pada petikan teks i, tetapi ia disimpulkan sebagai *ithbāt* berdasarkan petikan teks ii, iii dan iv (al-Bannā, 1939), sebagaimana gambaran dalam Jadual 3 dan Jadual 4 seperti berikut:

Jadual 3. Gambaran Tafwīd ma'nā

Bil	Teks Majalah al-Manār	Metode <i>tafwīd</i>	Tafwīd ma'nā
i	أن مذهب السلف ترك الخوض في هذه المعاني مع اعتقاد تنزيه الله - تبارك وتعالى - عن أمثالها المنسوبة لخلقه. <i>Bahawa mazhab al-Salaf meninggalkan berbicara panjang tentang makna-makna ini (sifat khabariyyah) di samping berpegang dengan kesucian Allah Tabaraka wa Ta'ala dari keserupaan dengan makhlukNya.</i>	ترك الخوض في هذه المعاني <i>mengisbatkan berbicara panjang tentang makna-makna ini (sifat khabariyyah).</i>	مع اعتقاد تنزيه الله - تبارك وتعالى - عن أمثالها المنسوبة لخلقه <i>di samping berpegang dengan kesucian Allah Tabaraka wa Ta'ala dari keserupaan dengan makhlukNya.</i>

Jadual 4. Gambaran *Tafwīd haqīqah*

Bil	Teks Majalah <i>al-Manār</i>	Metode <i>ithbāt</i>	<i>Tafwīd haqīqah</i>
i	وإمرارها كما جاءت وتفويض علم حقائقها إلى الله. Dan mengharunginya sebagaimana ia datang dan menyerahkan (<i>tafwīd</i>) ilmu hakikatnya kepada Allah.	وإمرارها كما جاءت Dan mengharunginya sebagaimana ia datang.	وتفويض علم حقائقها إلى الله dan menyerahkan (<i>tafwīd</i>) ilmu hakikatnya kepada Allah.
ii	والحق في هذا وأمثاله أن يقال استوى استواء يليق بجلاله مع اعتقادهم عدم المشاهدة وتفويض الحقيقة إلى الله، إلا أن تقوم قرينة لا تدفع تصرف اللفظ عن ظاهره، فنقف عند حدود هذا الصنف ولا نتجاوزه كما ذهب إليه السلف في معية الحق – تبارك وتعالى – بعلمه لا بذاته . Dan kebenarannya tentang isu ini dan seumpamanya bahawa perlu dinyatakan Dia beristiwa' dengan istiwa' yang sesuai dengan keagunganNya di samping pegangan mereka untuk tidak menyerupakan dan menyerahkan hakikat sebenar kepada Allah, melainkan adanya dalil yang tidak boleh menolak pengubahan lafaz zahirnya, maka sudah memadai bagi kita setakat batas pengubahan ini sahaja dan kita tidak melampauinya seperti yang telah ditunjukkan oleh al-Salaf berkenaan sifat "kebersamaan" – ma'iyah Allah Tabaraka wa Ta'ala - adalah dengan ilmuNya bukan dengan dhatNya.	أن يقال استوى استواء يليق بجلاله bahawa perlu dinyatakan Dia beristiwa' dengan istiwa' yang sesuai dengan keagunganNya.	مع اعتقادهم عدم المشاهدة تفويض الحقيقة إلى الله di samping pegangan mereka untuk tidak menyerupakan dan menyerahkan hakikat sebenar kepada Allah.
iii	استوى الله على عرشه استواء تعجز عقولنا عن إدراك حقيقته مع علمنا بأنه لم يكن كاستواء الخلق وبذلك نرد الحقائق لله تبارك وتعالى ... فيد الله التي ذكرها في كتابه صفاته تعجز عقولنا عن إدراك حقيقتها مع علمنا التام بأنها لن تكن كأيدينا . Allah beristiwa' di atas 'arashNya (dengan) istiwa' yang lemah akal kita untuk menanggapi hakikatnya di samping kita mengetahui bahawa ia bukan sepertimana istiwa' makhluk, dan kerana itu kita serahkan segala hakikat kepada Allah Tabaraka wa Ta'ala ... maka yad Allah yang disebutkan di dalam kitabNya (adalah) satu sifat dari sifat-sifatNya yang lemah akal kita menanggapi hakikatnya di samping kita mengetahui sesempurnanya bahawa ia bukan sebagaimana tangan-tangan kita.	استوى الله على عرشه ... فيد الله التي ذكرها في كتابه صفاته ... yang lemah akal kita untuk menanggapi hakikatnya ... dan kerana itu kita serahkan segala hakikat kepada Allah. ... yang lemah akal kita menanggapi hakikatnya di samping kita mengetahui sesempurnanya bahawa ia bukan sebagaimana tangan-tangan kita.	تعجز عقولنا عن إدراك حقيقته ... وبذلك نرد الحقائق لله تعجز عقولنا عن إدراك حقيقتها مع علمنا التام بأنها لن تكن كأيدينا

Berdasarkan petikan di atas, Hasan al-Banna telah merujuk dua istilah pada menyatakan tentang manhaj akidahnya, iaitu *tafwīd ma'na* dan *tafwīd haqīqah*. Merujuk istilah *tafwīd ma'na*, maka Hasan al-Banna dilihat cenderung dengan manhaj *tafwīd*. Dan jika merujuk pada istilah *tafwīd haqīqah* (kaifiat), maka Hasan al-Banna dilihat lebih cenderung dengan manhaj *ithbat*. Namun kenyataan Hasan al-Banna dalam majalah *al-Manār* yang ditulis selepas risalah *al-'Aqa'id*, dianggap lebih menguatkan lagi identiti metode akidahnya sebagai metode *ithbat* dengan mengisbatkan dan mengakui sifat tersebut menurut makna zahirnya. Contoh dalam ayat di atas ialah Hasan al-Banna mengakui dan mengisbatkan sifat bersemayam (*istiwa'*) dan tangan (*yad*) bagi Allah SWT yang tidak serupa (*tashabuh*) dengan sifat makhluk, sebagaimana metode *ithbat*.

iii. *Risālah Allah fī al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah*

Metode akidah Ḥasan al-Bannā dinyatakan dalam karyanya *Allah fī al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah* dengan tujuan menjelaskan enam prinsip akidah yang ringkas dan mudah untuk difahami oleh setiap muslim (Khalif, 2000).

نفي صفات المشابهة والنقص عن الخالق

“Menafikan sifat-sifat keserupaan dan kekurangan daripada Pencipta (Allah)”.

عدم التعرض للحقيقة والماهية في الذات والصفات من حيث هما مع الاحتراس الدقيق بتقرير المخالفة التامة بين ماهية ذات الاله وصفاته وماهية المخلوقات وصفاتهم .

“Tidak menghuraikan hakikat dan kaifiat pada zat dan sifat-sifat dari aspek hakikat keduanya, disamping pengawasan teliti dengan mengesahkan kelainan penuh antara kaifiat zat Tuhan dan sifat-sifatNya dengan kaifiat makhluk dan sifat-sifat mereka”.

Tujuan metode pembentangan Ḥasan al-Bannā dalam risalah *Allah fī al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah* adalah untuk para pembaca dapat memahami akidah Islam berdasarkan al-Quran dan hadis dengan lebih fokus dan teliti (Khalif, 2000). Selain itu, pembentang metode akidah dalam karya ini juga tidak menjuruskan secara spesifik kepada mana-mana metode sama ada metode *ithbāt*, *ta’wīl* atau *tafwīd*.

4.2 Keterangan Istilah *Tafwīd*

Berdasarkan petikan di atas dan pemerhatian terhadap istilah-istilah utama bagi manhaj *ithbāt* dan *tafwīd* di sepanjang kajian ini, terdapat tiga istilah *tafwīd* yang perlu diperjelaskan, iaitu:

i. *Tafwīd Kayfiyyah*

Tafwīd kayfiyyah bermaksud menyerahkan kaifiat sifat Allah SWT kepadaNya kerana akal tidak dapat menanggapi kaifiat tersebut. Konsep *tafwīd* ini menjadi pegangan manhaj *ithbāt*, kerana merujuk pada kenyataan Malik bin Anas terhadap *istiwā’* Allah SWT, iaitu; (الإستواء معلوم والكيف مجهول); *istiwā’* difahami dan kaifiatnya tidak diketahui. Maka *tafwīd kayfiyyah* bermaksud makna sifat Allah SWT adalah difahami, cuma kaifiatnya sahaja yang tidak dapat ditanggapi akal. Walaupun manhaj *ithbāt* berpegang dengan prinsip *tafwīd* pada kaifiat sifat *khbariyyah*, namun prinsip *ithbāt* pada mengisbatkan sifat *khbariyyah* adalah lebih ketara sehinggakan prinsip *tafwīd kayfiyyah* itu tidak disedari oleh kebanyakan penilai (al-Qaraḍāwiy, 2005).

ii. *Tafwīd Ma’nā*

Tafwīd ma’nā pada sifat *khbariyyah* menjadi asas akidah bagi metode *tafwīd*. Ia bermaksud bahawa makna-makna dan maksud bagi sifat *khbariyyah* mesti diserahkan kepada Allah SWT (Atabik, 2016). Manakala lafaz sifat *khbariyyah* tersebut adalah diisbatkan sebagaimana zahirnya, seperti yang dinyatakan oleh tokoh-tokoh metode *tafwīd mutaqqaddimīn*. Jadi, perbezaan metode *tafwīd* dengan metode *ithbāt* ialah pada skop pengisbatan terhadap sifat *khbariyyah* (Hakim, 2013). Metode *tafwīd* meletakkan skop pengisbatan adalah pada lafaz zahir sifat *khbariyyah* dan skop *tafwīd* adalah pada makna-maknanya, sedangkan metode *ithbāt* meletakkan skop isbat pada lafaz zahir dan maknanya, manakala kaifiatnya sahaja yang ditafwīdkan. Oleh kerana konsep *tafwīd* dalam metode *tafwīd* adalah lebih umum berbanding metode *ithbāt*, maka istilah *tafwīd* lebih dominasi pada menyatakan tentang identiti metode mereka (al-Qaraḍāwiy, 2005).

iii. *Tafwīd Haqīqah*

Merujuk pada istilah *tafwīd haqīqah*, penulis mendapati bahawa istilah ini digunakan oleh Ḥasan al-Bannā dalam majalah *al-Manār* bagi menyatakan secara mendalam tentang manhaj akidahnya terhadap sifat *khbariyyah*. Istilah ini juga merupakan sokongan dan penerangan tambahan terhadap istilah manhaj akidahnya

di dalam risalah *al-'Aqā'id* iaitu istilah (الْكُنْه) yang juga merujuk pada hakikat sifat, dan pengesahan tentang metode *ithbāt* yang difahaminya (Ḥasan al-Bannā, 1939).

4.3 Kupasan Konsep *Tafwīd*

Ringkasnya, setiap daripada metode *ithbāt*, *tafwīd* dan *ta'wīl* adalah terikat dengan konsep *tafwīd* pada aspek-aspek tertentu mengikut pendekatan metode akidah masing-masing. Konsep *tafwīd* metode *ithbāt* ialah pada kaifiat sifat, *tafwīd* makna pula menjadi inti manhaj *tafwīd*, dan hakikat sifat pula menjadi aspek *tafwīd* bagi manhaj *ta'wīl*. Namun konsep *tafwīd* ini lebih sinonim dengan manhaj *tafwīd* kerana kelangsungan hubungan akidahnya dengan *tafwīd* makna pada sifat *khbariyyah* (Atabik, 2016).

Walau bagaimanapun, penulis mendapati ada suatu hubungan yang membabitkan titik persamaan di antara metode *tafwīd* dengan metode *ithbāt*, selepas menilai titik persamaan metode yang diperkenalkan oleh Ḥasan al-Bannā. Penulis membentangkan hubungan tersebut sebagaimana berikut:

i. Metode *tafwīd* berpegang pada dua prinsip utama iaitu pertamanya; membiarkan lafaz zahir sifat *khbariyyah* sebagaimana yang dinyatakan nas, dan keduanya; tidak menentukan makna-makna yang tertentu bagi sifat *khbariyyah*.

Prinsip pertama bermaksud; para tokoh metode *tafwīd* membiarkan dan mengekalkan lafaz zahir sifat *khbariyyah* sepertimana yang dinyatakan nas. Pendekatan ini dinyatakan oleh tokoh-tokoh manhaj *tafwīd* seperti Abū al-Ḥasan al-Ash'ariy, al-Bāqillāniy, al-Bayhaqiy, al-Khaṭṭābiy, Abū Ya'lā dan al-Juwayniy. Mereka mengisbatkan *istiwā'* (bersemayam), *nuzūl* (turun), *majī'* (datang) dan seumpamanya bagi Allah SWT sebagaimana kenyataan zahir sifat *khbariyyah* di samping penafian *tashābuh* (keserupaan) dengan makhluk.

Pengisbatan sifatNya itu adalah sama ada dengan lafaz zahir; (اجراؤها على ظاهرها), atau lafaz penafian dari *tashābuh* makhluk dengan sifat Allah SWT seperti penafian jisim, *jāriḥah* (anggota), *ḥarakah* (gerak) dan seumpamanya. Adanya lafaz penafian itu adalah menjadi dalil bagi adanya pengisbatan makna zahir sifatNya. Oleh kerana pengisbatan sifat-sifat ini adalah dengan makna zahirnya, maka pengisbatan *istiwā'* (bersemayam), *nuzūl* (turun), *majī'* (datang) ini adalah serupa dengan metode *ithbāt*. Yang berbezanya ialah apabila metode *tafwīd* menafikan bentuk *tashābuh* itu sama ada dalam bentuk *jāriḥah* (beranggota), jisim, *mulāṣaqah* (berdampingan) dan sebagainya daripada Allah SWT, sedangkan menafikan konsep *tashābuh* tersebut tidak *wārid* (wujud) di dalam manhaj akidah Salaf menurut Salafiyah, dan ia menunjukkan kewujudan pengaruh ilmu kalam yang sememangnya ditolak oleh metode *ithbāt*. Demikian adalah ulasan yang diutarakan oleh Nāṣir bin al-Najjār sebagai penyemak kitab *al-Asmā' wa al-Ṣifāt* (al-Bayhaqiy, 2004).

Prinsip kedua pula bermaksud; tidak menyatakan makna-makna tertentu bagi sifat *khbariyyah* tertentu seperti *istiwā'* (bersemayam), *nuzūl* (turun), *majī'* (datang), bagi mematuhi konsep *tanzīh* Allah SWT dari segala *tashābuh* dengan makhluk sebagaimana yang dinyatakan oleh Abū Sulaymān al-Khaṭṭābiy. Beliau menyatakan:

(وَأَنْ لَا يَرِغُوا لَهَا الْمَعَانِي وَلَا يَتَأَوَّلُهَا) dan mereka tidak mencari bagi sifat itu makna-makna dan tidak mentakwilkannya), menjelaskan bahawa sifatNya itu adalah kekal dengan makna zahirnya sahaja dan tidak perlu lagi merujuk pada makna-makna lain termasuklah makna-makna yang berbentuk takwilan oleh metode *ta'wīl*.

Al-Khaṭṭābiy (1934) menyambung lagi; (وَالْمُتَشَابِهَ، يَقَعُ بِهِ الْإِيمَانُ وَالْعِلْمُ بِالظَّاهِرِ وَنُكُلٌ بَاطِنُهُ إِلَى اللَّهِ سُبْحَانَهُ) dan *mutashābih*, berlaku adalah dengan iman dan mengetahui zahirnya, dan menyerahkan batinnya kepada Allah Subhanah), menjelaskan bahawa zahir sifatNya yang dikategorikan sebagai ayat *mutashābihah* itu adalah boleh diketahui dan difahami, sedang yang batinnya iaitu hakikat sifatNya itu sahaja yang perlu diserahkan (*tafwīd*) kepada Allah SWT.

ii. Rumusan bagi kedua-dua prinsip di atas, bahawa tokoh-tokoh metode *tafwīd* telah mengisbatkan zahir sifat-sifat *khbariyyah* Allah SWT di dalam karya-karya mereka. Dalam masa yang sama mereka menafikan sebarang makna-makna lain untuk dilabelkan pada sifat *khbariyyah* tersebut, termasuklah makna-makna takwil yang ditakwilkan oleh metode *ta'wīl*. Ini kerana tokoh-tokoh metode *tafwīd* sendiri mengisbatkan sifat-sifat *khbariyyah* seperti *istiwā'* (bersemayam), *nuzūl* (turun), *majī'* (datang), *'ayn* (mata) dan seumpamanya. Unsur utama yang mereka nafikan tentang sifat *khbariyyah* ialah *amārah al-hudūth*; iaitu ciri-ciri baharu yang ada pada makhluk. Jadi, sifat *khbariyyah* itu diisbatkan bagi Allah SWT sebagaimana zahirnya, cuma ia ternafidari segala ciri-ciri baharu (*hudūth*) sifat makhluk berdasarkan kandungan ilmu kalam (al-Bayhaqiy, 2004). Contoh-contoh kenyataan tokoh-tokoh metode *tafwīd* yang berkaitan adalah seperti berikut:

a. Abū al-Ḥasan al-Ash‘ariy:

وأجمعوا على أنه عزوجل يجيء يوم القيامة ... وليس مجيئه حركة ولا زوالاً

“Dan mereka sepakat bahawa Allah ‘Azz wa Jall datang pada hari kiamat ... dan bukanlah datangNya itu berupa gerakan dan bukan perpindahan” (al-Ash‘ariy, 2002).

b. Al-Bāqillāniy:

إنه على عرشه لا على معنى كون الجسم بالملاصقة والمجاورة

“Sesungguhnya Dia adalah di atas ‘arashNya. Bukan dengan makna keadaan jisim adalah bertempel dan berdamping” (al-Bāqillāniy, 1987).

c. al-Bayhaqiyy:

أن الله مستو على عرشه وأنه فوق الأشياء بائن منها بمعنى أنها لا تحله ولا يملها ، ولا يمسه ولا يشبهها

“Bahawa Allah istiwa’ di atas ‘arashNya dan Dia di atas setiap sesuatu berbeza darinya, bermakna bahawa sesuatu itu tidak menempatiNya dan Dia tidak menempatinya, dan tidak bersentuhannya dan tidak menyerupainya” (al-Bayhaqiyy, 2004).

d. Abū Ya‘lā:

وهما – العينان – صفتان زائدتان على البصر والرؤية وليستا بجارحتين

“Dan kedua-duanya – al-‘aynayn – adalah sifat tambahan bagi basar dan ru‘yah, dan bukan beranggota” (Abū Ya‘lā, 1974).

Justeru itu jelaslah bahawa metode *tafwīd* juga mengisbatkan sifat-sifat Allah SWT seperti yang disebutkan di atas, sebagaimana pengisbatan oleh metode *ithbāt*. Bezanya ialah pengaruh ilmu kalam yang dapat dikesan pada kenyataan-kenyataan tokoh-tokoh metode *tafwīd*, sedangkan bagi metode *ithbāt* bahawa sebarang kenyataan yang berbau ilmu kalam itu tidak sabit dalam kenyataan generasi Salaf.

Walau bagaimanapun perlu dijelaskan di sini bahawa skop pengisbatan sifat *khbariyyah* di antara metode *ithbāt* dan metode *tafwīd* masih ada perbezaan. Konsistensi isbat oleh metode *ithbāt* adalah menyeluruh pada setiap sifat *khbariyyah*, sedangkan metode *tafwīd* hanya mengisbatkan makna zahirnya pada sifat *khbariyyah* tertentu sahaja, dan tidak merangkumi keseluruhan sifat *khbariyyah* sebagaimana metode *ithbāt*. Jadi, sifat *khbariyyah* yang tidak diisbatkan itu akan ditakwil sebagaimana takwilan metode *ta‘wīl* (al-Ash‘ariy, 2002). Contoh takwil dalam metode *tafwīd* ialah pada sifat *reḍā* dan *ghaḍab* yang dikategorikan sebagai sifat *ikhtiyāriyyah* atau *fi‘liyyah*, ialah sebagaimana yang dibawakan oleh Abū al-Ḥasan al-Ash‘ariy (al-Ash‘ariy, 2002):

وأجمعوا على أنه عز وجل يرضى عن الطائعين له ، وأن رضاه عنهم إرادته لتعيمهم ، وأنه يحب التوابين ويسخط على الكافرين ويغضب عليهم ، وأن غضبه إرادته لعذابهم ، وأنه لا يقوم لغضبه شيء .

“Dan mereka bersepakat bahawa Allah ‘Azz wa Jall reda terhadap orang-orang yang mentaatiNya, dan bahawa redaNya terhadap mereka adalah kehendakNya untuk memberikan mereka nikmat, dan bahawa Dia menyukai orang-orang yang bertaubat dan memurkai orang-orang kafir dan memarahi mereka, dan bahawa kemarahanNya adalah kehendakNya untuk mengazab mereka, dan bahawa tidak bangkit kemarahanNya sesuatupun”.

Manakala Hasan al-Bannā pula mengisbatkan semua sifat *khbariyyah* tanpa membezakan sifat *ikhtiyāriyyah* seperti *redā* dan *ghadab* tadi dari kategori sifat *khbariyyah*, sebagaimana metode *ithbāt* (Hasan al-Bannā, 1992).

4.4 Faktor Percampuran Istilah

Hasan al-Bannā menggunakan istilah *tafwīd ma'nā* dan *tafwīd haqīqah* dalam penulisan akidahnya. Penulis berpendapat bahawa penggunaan istilah-istilah yang bercampur di atas berlaku adalah kerana sebab-sebab berikut:

i. Istilah yang berkaitan dengan sifat *khbariyyah* seperti *tafwīd kayfiyyah*, *tafwīd ma'nā* dan *tafwīd haqīqah* merupakan istilah yang tidak dibincangkan oleh umat Islam khususnya di Mesir pada waktu itu. Setiap aliran lebih cenderung untuk hanya menganuti pelajaran yang diterima terutama yang berkaitan dengan konsep dan istilah secara warisan tanpa membahaskannya secara spesifik. Metode *ithbāt* sendiri tidak dikenali melalui istilah *tafwīd kayfiyyah*, malah istilah yang tersohor pada mereka ialah konsep *ithbāt* itu sendiri. Metode *tafwīd* pula menekankan kepentingan dan keutamaan konsep *tafwīd ma'nā*, tanpa membandingkannya dengan istilah *tafwīd kayfiyyah* dan *tafwīd haqīqah*. Manakala metode *ta'wīl* pula menumpukan pada konsep takwil dan penggunaannya di dalam sifat *khbariyyah*. Justeru dengan sebab tiadanya suatu kerjasama terhadap perbandingan aliran akidah *ithbāt*, *tafwīd* dan *ta'wīl* di waktu itu telah menzahirkan ketidakfahaman di antara umat Islam di dalam isu sifat *khbariyyah*.

ii. Hasan al-Bannā mempunyai pemahaman bahawa istilah *tafwīd ma'nā* dan *tafwīd haqīqah* adalah istilah yang seerti. Penggunaan istilah *tafwīd ma'nā* adalah kerana ia merupakan istilah warisan yang diambil daripada para ulama (bermetode *tafwīd*) terdahulu, dan penggunaan istilah *tafwīd haqīqah* dengan lafaz (الحقيقة) dan (الكنه) menjadi istilah kedua bagi *tafwīd ma'nā*, dan ia merujuk pada satu maksud. Sehubungan itu Hasan al-Banna menggunakan kedua-dua istilah tersebut bagi merujuk pada *tafwīd sifat khbariyyah*, khususnya di dalam penulisannya di dalam risalah *al-'Aqā'id* (Hasan al-Bannā, 1992). Hasan al-Bannā lebih banyak menggunakan istilah *tafwīd haqīqah* di dalam majalah *al-Manār* sebagai suatu penerangan tambahan terhadap istilah *tafwīd ma'nā* yang digunakan di dalam risalah *al-'Aqā'id* (Hasan al-Bannā, 1939).

iii. Metode akidah umat Islam di Mesir pada zaman Hasan al-Bannā ialah di antara metode *tafwīd* dan *ta'wīl* Ashā'irah, dan metode akidah Ibn Taymiyyah atau metode *ithbāt* yang dibawa oleh Rashīd Redā melalui majalah *al-Manār* (Asyhari, 2019). Dengan persekitaran pengaruh yang seumpama itu di samping cita-cita Hasan al-Bannā yang mahukan kesatuan akidah umat Islam yang berasaskan ajaran al-Quran dan al-Sunnah sebenar, maka Hasan al-Bannā cuba memanfaatkan kesemua istilah tersebut sebagai istilah yang satu dengan menekankan titik persamaan di antara semua metode akidah tersebut dan mengeneipkan perbezaan pemahaman yang ada.

4.5 Di Antara *Tafwīd Kayfiyyah* Dan *Tafwīd Haqīqah*

Berdasarkan analisis terhadap konsep *tafwīd* menurut Hasan al-Bannā, didapati bahawa istilah *tafwīd haqīqah* boleh diertikan dengan istilah *tafwīd kayfiyyah*. Kenyataan Hasan al-Bannā tentang perkara tersebut adalah sebagaimana berikut (Hasan al-Bannā, 1939):

استوى الله على عرشه استواء تعجز عقولنا عن إدراك حقيقته مع علمنا بأنه لم يكن كاستواء الخلق وبذلك نرد الحقائق لله تبارك وتعالى ... فيد الله التي ذكرها في كتابه صفة من صفاته تعجز عقولنا عن إدراك حقيقتها مع علمنا التام بأنها لن تكن كأيدنا .

“Allah beristiwā’ di atas ‘arashNya (dengan) istiwā’ yang lemah akal kita untuk menanggapi hakikatnya di samping kita mengetahui bahawa ia bukan sepertimana istiwā’ makhluk, dan kerana itu kita serahkan segala hakikat kepada Allah Tabaraka wa Ta’ala ... maka yad Allah yang disebutkan di dalam kitabNya (adalah) satu sifat dari sifat-sifatNya yang lemah akal kita menanggapi hakikatnya di samping kita mengetahui sesempurnanya bahawa ia bukan sebagaimana tangan-tangan kita”.

Ciri-ciri yang membuktikan persamaan di antara konsep *tafwīd kayfiyyah* dengan *tafwīd haqīqah* melalui petikan di atas ialah:

- i. Hasan al-Bannā mengisbatkan sifat *khbariyyah* bagi Allah SWT sebagaimana makna zahirnya sepertimana yang diisbatkan oleh metode *ithbāt*.
- ii. Sifat *khbariyyah* tersebut tiada keserupaan dengan sifat yang sama namanya sebagaimana yang ada pada makhluk.
- iii. Akal dan kemampuan manusia tidak mampu menanggapi ciri-ciri sebenar yang ada pada sifat *khbariyyah* Allah SWT itu, dan ia perlu diserahkan (*tafwīd*) kepada Allah SWT. Hasan al-Bannā memaksudkan ketidakmampuan akal manusia dan konsep *tafwīd* itu melalui istilah *tafwīd ḥaqīqah*, manakala metode *ithbāt* mengistilahkan sebagai *tafwīd kayfiyyah*.
- iv. Istilah *al-ḥaqīqah* ini juga digunakan oleh golongan Salafiyyah pada menyatakan tentang *tafwīd kayfiyyah*, sebagaimana berikut (Ibn Taymiyyah, 2000):

وكذلك مدلول أسمائه وصفاته التي يختص بها، التي هي حقيقته، لا يعلمها إلا هو

“Dan demikian petanda asma’ dan sifat-sifatNya yang mengkhususinya, yang ia adalah hakikatNya, tiada diketahui tentangnya kecuali Dia”.

Ciri-ciri ini menyimpulkan bahawa Hasan al-Bannā mengisbatkan sifat *khbariyyah* bagi Allah SWT sebagaimana makna zahir bagi lafaz tersebut, dan dalam masa yang sama menafikan *tashābuh* (keserupaan) sifat tersebut dengan sifat yang ada pada makhluk. Demikian juga metode *ithbāt* telah berada pada landasan metode yang sama, apabila mengisbatkan makna zahir lafaz sifat *khbariyyah* bagi Allah SWT dan menafikan *tashābuh* (keserupaan) sifat tersebut dengan sifat makhluk. Kelainan dua metode ini ialah pada istilah, apabila metode *ithbāt* menggunakan istilah *tafwīd kayfiyyah* yang merujuk pada kenyataan (والكيف مجهول), manakala Hasan al-Bannā merujuk istilah *tafwīd ḥaqīqah* pada menyatakan perkara yang sama.

5. Metode Akidah Hasan Al-Bannā

Hasan al-Bannā menyatakan tentang sifat *khbariyyah* Allah SWT menurut pemahaman Salaf, yang juga menjadi metode akidahnya adalah sebagaimana berikut (Hasan al-Bannā, 1992):

أما السلف رضوان الله عليهم فقالوا، نؤمن بهذه الآيات والأحاديث كما وردت، ونترك بيان المقصود منها لله تبارك وتعالى، فهم يشبتون اليد والعين والأعين والاستواء والضحك والتعجب ... الخ وكل ذلك بمعان لا ندرکہا، ونترك لله تبارك وتعالى الإحاطة بعلمها.

“Adapun al-Salaf RA maka mereka menyatakan, Kami beriman dengan ayat-ayat dan hadith-hadith ini sebagaimana yang warid (dinyatakan), dan kami tinggalkan keterangan tentang maksudnya kepada Allah Tabaraka wa Ta’ala, maka mereka mengisbatkan yad, ‘ayn, a’yun, istiwa’, dahik, ta’ajjub ... (dan seumpamanya) dan kesemua itu adalah dengan makna-makna yang tidak (dapat) kami tanggapinya, dan kami tinggalkan kepada Allah Tabaraka wa Ta’ala (untuk) meliputi pengetahuan (tentang)nya”.

Keterangan tentang metode Salaf menurut Hasan al-Bannā disebutkan lagi di dalam majalah *al-Manār*, dan ia sebenarnya adalah perincian lanjut bagi kenyataan di atas tadi, sebagaimana berikut (Hasan al-Bannā, 1939):

أن مذهب السلف، ترك الخوض في هذه المعاني مع اعتقاد تنزيه الله تبارك وتعالى عن أمثالها المنسوبة لخلقه وإمراها كما جاءت وتفويض علم حقائقها إلى الله .

“*Sesungguhnya mazhab al-Salaf, meninggalkan berbicara panjang tentang makna-makna ini (sifat khabariyyah) di samping berpegang dengan kesucian Allah Tabaraka wa Ta’ala dari yang seumpamanya pada makhlukNya dan melaluinya sebagaimana datang dan menyerahkan ilmu (pengetahuan) hakikatnya kepada Allah*”.

Perbandingan metode Hasan al-Bannā dengan metode *ithbāt*, *tafwīd* dan *ta’wīl* adalah sebagaimana dalam jadual di bawah:

Jadual 5. Perbandingan Metode Hasan al-Banna Dengan Metode *Ithbāt*, *Tafwīd* dan *Ta’wīl*

Metode Akidah	Sifat <i>khabariyyah</i> seperti <i>yad</i> , <i>wajh</i> , <i>istiwā’</i> , dan <i>nuzūl</i> .	Sifat <i>ikhtiyariyyah</i> seperti <i>redā</i> , <i>ghadab</i> , <i>dahik</i> dan <i>ta’ajjub</i> .
Hasan al-Bannā	Isbat	Isbat
Metode <i>Tafwīd</i>	<i>Tafwīd</i> (serah makna)	Takwil
Metode <i>Ta’wīl</i>	Takwil	Takwil
Metode <i>Ithbāt</i>	Isbat	Isbat

Justeru itu, dapatlah dirumuskan bahawa Hasan al-Bannā berpegang dengan metode *ithbāt*, di samping bersikap terbuka dengan metode *ta’wīl*. Hakikat ini jelas dilihat pada *tafwīd haqīqah*nya yang sama dengan *tafwīd kayfiyyah*, iaitu menyerahkan hakikat dan kaifiat sebenar sifat *khabariyyah* kepada Allah SWT, di samping memutlakkan *tafwīd*nya ini bagi semua sifat *khabariyyah*. Dari aspek ini *tafwīd* Hasan al-Bannā berbeza dari metode *tafwīd* yang hanya mentafwīdkan sifat *khabariyyah* yang tertentu dan mentakwilkan yang lain khususnya sifat *ikhtiyariyyah*.

6. Kesimpulan

Hasan al-Bannā adalah seorang tokoh dakwah yang gigih berusaha mengembalikan ajaran Islam sebenar dalam pemikiran dan pengamalan umat Islam seluruh dunia. Dari aspek akidah, beliau memilih untuk mengutamakan metode Salaf berbanding metode Khalaf. Namun metode Khalaf tetap diiktiraf sebagai pilihan kedua metode umat Islam di samping metode Salaf. Berkaitan persoalan identiti sebenar Salaf menurut Hasan al-Bannā, ia dilihat menyerupai dan menepati identiti metode *ithbāt* dan bukannya identiti metode *tafwīd*.

Titik persamaan pada metode *ithbāt* dan *tafwīd* ialah apabila mereka mengisbatkan sifat *khabariyyah* bagi Allah SWT. Namun metode *tafwīd* tidak mengisbatkan semua sifat sebagaimana metode *ithbāt*, kerana sifat *ikhtiyariyyah* atau *fi’liyyah* akan ditakwil kepada makna *majāz* yang sesuai. Pengisbatan itu juga hanya pada lafaz, dan tidak pada makna kerana maknanya akan diserahkan kepada Allah SWT. Pengisbatan sifat oleh metode *tafwīd* juga adalah bersama dengan penapian tanda sifat yang baharu seperti yang ada pada sifat makhluk.

Ukuran pada persamaan metode akidah Hasan al-Bannā dengan metode *ithbāt* ialah semua sifat *khabariyyah* Allah SWT diisbatkan sebagaimana zahir nas, dan kaifiat atau hakikatnya diserahkan kepada Allah SWT. Perbezaan Hasan al-Bannā daripada metode *tafwīd* dan *ta’wīl* ialah beliau tidak mentakwilkan sifat *ikhtiyariyyah* seperti metode *tafwīd*, dan tidak mentakwil semua sifat *khabariyyah* seperti metode *ta’wīl*. Namun setiap daripada metode *ithbāt*, *ta’wīl*, *tafwīd* menurut Hasan al-Bannā adalah daripada golongan Ahli Sunah Waljamaah.

Rujukan

- ‘Azīz, J. A. ‘A. (2003). *Zurūf al-nash’ah wa shakhṣiyyah al-imām al-mu’assis: awrāq min tārikh al-Ikhwān al-Muslimīn*. Kaherah: Dār al-Tawzī’ wa al-Nashr al-Islāmiyyah.
- Abdullah, N., Abd. Rahman, L., & Usman, A. H. (2019). Terjemahan ayat mutashabihat: analisis fungsi prosedur eksplisitasi. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*. 154-170.
- Abū Ghanīmah, Z. (t.th). *Hasan al-Bannā min al-mīlād li al-istishād: asrār yarwihā syaqīquhu Jamāl al-Bannā*. Kaherah: Al-Fatḥ li al-I’lām al-‘Arabiy.
- Abu Ya’lā, M. H. (1974). *Kitāb al-mu’tamad fī uṣūl al-dīn*. Beirut: Dār al-Mashriq.

- Ahmad, S., Rofie, M. K. H., Dahaman, M. A., Ngah, K., & Salam, S. N. A. (2018). Traditionalist and salafis method of argument in the Ahlus Sunnah Wal Jama'ah school of thought in Malaysia. *Jurnal Sultan Alaaddin Sulaiman Shah, Special Issue*, 595-606.
- al-Albāniy, M. N. (2000). *Ṣaḥīḥ sunan al-Tirmidhiy*. Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- al-Anani, K. (2013). The power of the jama'a: the role of Hasan Al-Banna in constructing the Muslim brotherhood's collective identity. *Sociology of Islam*, 1(1-2), 41-63.
- Arikewuyo, A. N. (2019). A comparative analysis of the theological polemics of Muslim brotherhood and salafiyah 1. *International Journal of Islamic Thought*, 15, 17-26.
- Asyhari, A. (2019). *Al-Lāmadhhabiyah dalam tafsir; studi ayat akidah dalam tafsir Al Manar karya M. Rashid Rida*. (Tesis Ph.D). Indonesia: Universiti Islam Negeri Sunan Ampel.
- Atabik, A. (2016). Corak tafsir aqidah (kajian komparatif penafsiran ayat-ayat aqidah). *ESENSIA: Jurnal Ilmu-Ilmu Ushuluddin*, 17(2), 209-223.
- al-Ash'ariy, A. H. (2002). *Risālah ilā ahl al-thaghr*. Saudi Arabia: Maktabah al-'Ulūm wa al-Ḥikam.
- al-Bannā, H. (1939, Julai). Fatāwā al-Manār. Dlm. *Al-Manār*. Vol. 35, juz. 5.
- al-Bannā, H. (1939, Ogos). Intiqād al-Manār. Dlm. *Al-Manār*. Vol. 35, juz. 6.
- al-Bannā, H. (1983). *Mudhakkirāt al-da'wah wa al-dā'iyah*. Beirut: Al-Maktab al-Islāmiy.
- al-Bannā, H. (1992). Risālah al-'aqā'id. Dlm. *Majmū'ah rasā'il al-imām al-shahīd Ḥasan Al-Bannā*. Kaherah: Dār al-Shihāb.
- al-Bannā, H. (1995). Letter to a Muslim student. *The Islamic Foundation*. United Kingdom: The Islamic Foundation & FOSIS.
- al-Bāqillāniy, M. T. (1987). *Kitāb Tamhīd al-awā'il wa talkhīṣ al-dalā'il*. Beirut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah.
- al-Bayhaqiy, A. B. (2004). *Al-Asmā' wa al-ṣifāt*. Mesir: Dār Ibn Rajab.
- Ghanīm, I. (2007). Imam al-Banna; perjalanan yang tidak berkesudahan, dalam, *Memperingati 100 Tahun Hasan al-Banna (1906-2006)*. Selangor: MHI Publication.
- al-Ghazāliy, M. (2003). *Al-Iqtisād fī al-i'tiqād*. Syria: Dār Quṭaybah.
- Hakim, A. (2013). Menimbang metode syaikh Abdul Qadir al-Jilani dalam memahami sifat-sifat Allah. *ULUL ALBAB Jurnal Studi Islam*, 14(1), 31-42.
- Halimah, B. (2020). Tafwīd method in understanding mutashābihāt verses. *Jurnal Studi Ilmu-ilmu Al-Qur'an dan Hadis*, 21(2), 293-312.
- Hayati, S. H. S., Isjoni, I., & Saiman, M. S. M. (2015). *Peranan imam syahid Hasan al-Banna dalam mengembangkan Ikhwanul Muslimin di Mesir pada tahun 1928-1949*. (Tesis Ph.D). Indonesia: Riau University.
- Ibn Taymiyyah, A. (2000). *Al-Tadmuriyyah*. Riyadh: Maktabah al-'Abikān.
- Ibn Taymiyyah, A. (2004). *Majmū' fatāwā*. Saudi Arabia: Mujamma' al-Malik Fahd li Ṭibā'ah al-Muṣḥaf al-Sharīf.
- al-Jundiyy, A. (2000). *Ḥasan al-Bannā; al-dā'iyah al-imām wa al-mujaddid al-shahīd*. Syria. Dār al-Qalam.
- al-Juwayniy, A. A. (1992). *Al-'Aqīdah al-Nizāmiyyah fī al-arkān al-Islāmiyyah*. Mesir: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth.
- Kafrawi, S. (1999). Fakhr al-Dīn al-Rāzi's sources of ta'wīl: between revelation and reason. *Islamic Quarterly*, 43(3), 186.
- Khalif, F. (2000). *Allah fī al-'aqīdah al-Islāmiyyah*. Kaherah: Dār al-'Ulūm.
- al-Khaṭṭābiy, H. M. (1934). *Ma'ālim al-sunan*. Syria: Maṭba'ah al-'Ilmiyyah.
- Larsson, T. (2017). *The Islamist ideology of Hassan al-Banna and Sayyid Qutb: a comparative analysis*. (Master's thesis). University of Oslo.
- Munawir, M. (2016). Aswaja NU center dan perannya sebagai benteng aqidah. *SHAHIH: Journal of Islamicate Multidisciplinary*, 1(1), 61-81.
- al-Qaraḍāwiyy, Y. (2005). *Fuṣūl fī al-'aqīdah bayn al-salaf wa al-khalaf*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Rāziy, F. (1986). *Asās al-taqdīs*. Kaherah: Maktabah al-Kulliyyāt al-Azhariyyah.